

Laporan siasatan ke atas SAR siap

UM 30 OCT 2002

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Kementerian Pendidikan telah menyiapkan laporan siasatan terhadap sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) di seluruh negara yang dipercayai menyebarkan unsur-unsur politik songsang.

Ketua Pengarah kementerian itu, Datuk Abdul Rafie Mahat berkata, laporan tersebut akan diserahkan kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk tindakan selanjutnya.

Menurut beliau, kementerian turut menjalankan siasatan terhadap sekolah-sekolah berkenaan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

"Walaupun sekolah-sekolah berkenaan di luar kawalan kementerian namun kita berharap dapat membantu membanteras aktiviti-aktiviti sebegini," katanya.

Rafie berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Mategmatik 2002 anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini hari ini.

Baru-baru ini kerajaan mengambil keputusan menghentikan bantuan kepada semua SAR di seluruh negara kerana mendapati ia disalahgunakan untuk tujuan politik dan menanam sentimen antikerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO Jumaat lalu berkata, penarik-

an bantuan itu kekal sehingga kerajaan berpuas hati SAR bebas daripada gejala tersebut.

Kerajaan sebelum ini memberi bantuan dalam bentuk elaun khas kepada pentadbiran SAR termasuk guru berdasarkan jumlah pelajar sesebuah sekolah itu.

SAR turut menikmati bantuan fizikal dengan peruntukan berjuta-juta ringgit daripada kerajaan melalui pembinaan sekolah baru dan membaik pulih sekolah.

Sementara itu, Rafie berkata, mana-mana SAR yang mengajar di luar daripada kurikulum yang ditetapkan perlu mendaftar semula dengan Kementerian Pendidikan.

Menurut beliau, mereka akan tertakluk di bawah akta pendidikan yang telah ditetapkan seperti mana sekolah-sekolah di bawah kementerian tersebut.

Sementara itu, Abdul Rafie mengingatkan guru-guru supaya tidak membebani murid-murid dengan kerja rumah yang banyak sehingga mengganggu waktu riadah murid-murid terutama pada hujung minggu.

"Pihak sekolah dan guru-guru perlu mewujudkan penyelarasan dalam pemberian kerja rumah itu supaya tidak semua guru memberi kerja rumah kepada murid-murid dalam masa yang sama," katanya.

Selain itu, mereka perlu merancang kerja-kerja rumah yang dibekalkan kepada murid-murid supaya ia dapat membantu meningkatkan pembelajaran mereka di samping memberi ruang untuk mereka beriadah.

Dalam pada itu, beliau meminta, sekolah-sekolah mengutamakan ko-kurikulum yang dilaksanakan di sekolah masing-masing sebelum beralih kepada kegiatan riadah lain seperti kegiatan belia.

"Kita tidak mahu ia bercanggah dengan ko-kurikulum yang sedia ada sehingga membebani murid-murid," katanya.

Menurut beliau, walaupun kegiatan belia seperti Rakan Muda mempunyai matlamat yang sama dengan ko-kurikulum namun perlu ada penyelarasan sebelum dilaksanakan di sekolah-sekolah.

Namun begitu, katanya, kementeriannya dan Kementerian Belia dan Sukan sentiasa bekerjasama bagi memastikan kedua-dua aktiviti itu dapat dilaksanakan dengan seimbang.